

**TERMA RUJUKAN****PANDUAN UNTUK PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT) BAGI  
PENGURUSAN PERMOHONAN PEPERIKSAAN**

<b>1</b>	<b>ARAHAN AM</b>			
1.1	Permohonan untuk menduduki peperiksaan Lembaga Jururawat Malaysia (LJM)/ Lembaga Bidan Malaysia (LBM) bagi kali pertama dan ulangan hendaklah dibuat melalui PPT.			
1.2	Borang Permohonan Menduduki Peperiksaan boleh dimuat turun dari laman sesawang <a href="https://hq.moh.gov.my/nursing">https://hq.moh.gov.my/nursing</a>			
1.3	Tarikh tutup pendaftaran untuk menduduki peperiksaan adalah seperti yang tertera di dalam takwim peperiksaan LJM/ LBM. Permohonan yang dihantar selepas tarikh tutup tidak akan diproses.			
1.4	Sila pastikan segala maklumat pelajar/ pelatih mestilah dikemaskini, sahih, dan jumlah senarai nama hendaklah selaras dengan data dalam Sistem Pengurusan Maklumat Jururawat (SPMJ).			
1.5	Dokumen yang tidak lengkap atau tidak disertakan dengan bayaran tidak akan diproses.			
1.6	Pelajar/ pelatih yang menangguhkan peperiksaan setelah mendaftar, perlu mengemukakan surat penjelasan/ tunjuk sebab melalui PPT.			
1.7	Pelajar/ pelatih yang telah mendaftar dan diberikan angka giliran tetapi gagal hadir tanpa alasan yang sah akan hilang satu (1) peluang untuk menduduki peperiksaan. Surat penjelasan/ tunjuk sebab hendaklah dikemukakan secara rasmi melalui PPT masing-masing.			
1.8	Tempoh ulangan peperiksaan dan had maksimum tempoh pengajian (termasuk ulangan) adalah seperti berikut:			
	<b>Program</b>	<b>Tempoh Pengajian</b>	<b>Tempoh Ulangan</b>	<b>Tempoh Pengajian Termasuk Ulangan</b>
	Sijil Penolong Jururawat	2 tahun	3 kali	5 tahun
	Diploma Kejururawatan	3 tahun	3 kali	6 tahun
	Diploma Kejururawatan (Program Peralihan )	1 tahun	3 kali	4 tahun
	Ijazah Sarjana Muda Kejururawatan	4 tahun	3 kali	7 tahun
	Ijazah Sarjana Muda Kejururawatan Kesihatan Awam	4 tahun	3 kali	7 tahun
	Sijil Pos Basik Kejururawatan Kesihatan Awam	1 tahun	3 kali	4 tahun
	Diploma Lanjutan Kebidanan	1 tahun	3 kali	4 tahun

<b>2</b>	<b>PERMOHONAN MENDUDUKI PEPERIKSAAN LJM/ LBM</b>	
<b>Bahagian A - Biodata Pelajar/ Pelatih</b>		
2.1	Susun borang pelajar/ pelatih mengikut kumpulan dan turutan abjad bagi memudahkan semakan.	
2.2	Nombor Kad Pengenalan atau Pasport hendaklah dicatatkan dengan jelas menggunakan <b>HURUF BESAR</b> sepertimana yang tertera pada dokumen pengenalan diri asal.	
<b>Bahagian B - Syarat-Syarat Kelayakan Menduduki Peperiksaan LJM/ LBM</b>		
2.3	Pengesahan kelayakan calon untuk menduduki peperiksaan adalah tertakluk kepada pematuhan kriteria akademik, klinikal, dan sahsiah berikut:	
2.3.1	melengkapkan tempoh latihan yang ditetapkan;	
2.3.2	mencapai kehadiran minimum 85% bagi teori dan 100% bagi penempatan klinikal;.	
2.3.3	lulus peperiksaan berkala peringkat PPT dengan minima CGPA 2.5;	
2.3.4	mencapai 100% kompetensi teras ( <i>core competency</i> ) di dalam buku log;	
2.3.5	mencapai 85% prosedur pilihan ( <i>optional procedure</i> ) di dalam buku log;	
2.3.6	program mendapat pengiktirafan akreditasi;	
2.3.7	tidak melebihi had cuti sakit yang ditetapkan semasa tempoh latihan;	
2.3.8	sihat daripada segi fizikal dan mental;	
2.3.9	mempunyai rekod kelakuan baik dan bebas daripada tindakan tatatertib; dan	
2.3.10	kandungan kurikulum dan jam kredit selaras dengan <i>Malaysian Qualification Framework (MQF)</i> .	
<b>Bahagian C - Senarai Semak Dokumen Sokongan</b>		
2.4	Sila lampirkan salinan dokumen yang telah disahkan:	
2.4.1	kad pengenalan/ pasport (berwarna dan berpaling);	
2.4.2	pas pelajar (pelajar/ pelatih bukan warganegara) yang dikeluarkan oleh Jabatan <b>Imigresen (berwarna dan berpaling)</b> ;	
2.4.3	sijil kelayakan akademik;	
2.4.5	*Ijazah/ Diploma/ Sijil Latihan Kejururawatan;	
2.4.6	*Sijil Amalan Tahunan (APC/ TPC) terkini;	
2.4.7	*Sijil Pendaftaran LJM/ LBM; dan	
2.4.8	transkrip setiap semester.	

**\*Khusus Bagi Program Ijazah Sarjana Muda Kejururawatan Kesihatan Awam/ Sijil Pos Basik Kejururawatan Kesihatan Awam/ Diploma Lanjutan Kebidanan/ Diploma Kejururawatan (Program Peralihan) sahaja**

#### **Bahagian D - Bayaran Fi Peperiksaan**

2.5 Pembayaran hendaklah diuruskan secara berpusat, kelompok dan mengikut program. Sila patuhi arahan berikut:

2.5.1 kaedah bayaran adalah melalui Kiriman Wang atau Draf Bank sahaja. Bayaran adalah seperti berikut:

<b>Bil</b>	<b>Jenis Peperiksaan</b>	<b>Kadar Bayaran (RM)</b>
1	Syarat bagi Kemasukan dalam Bahagian Am Daftar untuk Jururawat (peringkat Ijazah Sarjana Muda Kejururawatan / Diploma Kejururawatan / Diploma Kejururawatan (Program Peralihan))	RM 30
2	Syarat bagi Kemasukan dalam Bahagian Tambahan Daftar untuk Penolong Jururawat	RM 15
3	Syarat Kemasukan dalam Bahagian Tambahan Daftar untuk Jururawat Kesihatan Awam.	RM 30
4	Syarat bagi Kemasukan dalam Daftar Bidan Bahagian 1	RM 30

2.5.2 bayaran yuran peperiksaan tidak akan dikembalikan jika calon tidak menduduki peperiksaan pada tarikh yang telah ditetapkan

2.5.3 Bayaran hendaklah dialamatkan kepada:  
**Setiausaha**  
**Lembaga Jururawat Malaysia**  
**Kementerian Kesihatan Malaysia Aras 3**  
**Blok E7, Parcel E, Presint 1**  
**Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62590 Putrajaya**  
**Wilayah Persekutuan Putrajaya.**

#### **Bahagian E - Pengakuan dan Pengesahan**

2.6 Borang permohonan yang lengkap hendaklah mendapat pengesahan rasmi (tandatangan dan cop rasmi) daripada Dekan, Pengarah, Pengetua, atau Ketua Program Kejururawatan. Sila pastikan semua lampiran dokumen sokongan disertakan mengikut ketetapan program.

**Bahagian E Adalah Tertakluk Pada Peruntukan di Dalam Akta dan Peraturan-Peraturan di Bawahnya yang Berkaitan Dengan Jururawat dan Bidan, Garis Panduan dan Panduan Peperiksaan yang Sedang Berkuat Kuasa**

3	<b>SENARAI PELAJAR/ PELATIH LAYAK MENDUDUKI PEPERIKSAAN LEMBAGA JURURAWAT MALAYSIA (LJM)/ LEMBAGA BIDAN MALAYSIA (LBM)</b>	
	3.1	Sila pastikan semua maklumat pada borang diisi dengan lengkap
	3.1.1	sertakan salinan pencapaian peperiksaan semester penuh/ transkrip;
	3.1.2	mencapai kehadiran minimum 85% bagi teori dan 100% bagi penempatan klinikal;
	3.1.3	lulus peperiksaan berkala peringkat PPT dengan minima CGPA 2.5;
	3.1.4	mencapai 100% kompetensi teras (core competency) di dalam buku log;
	3.1.5	mencapai 85% prosedur pilihan ( optional procedure ) di dalam buku log;
	3.1.6	nyatakan keputusan keseluruhan OSCE sama ada LULUS atau GAGAL;
	3.1.7	jumlah cuti sakit tidak melebihi had yang ditetapkan semasa tempoh latihan;
	3.1.8	sihat daripada segi fizikal dan mental;
	3.1.9	mempunyai rekod kelakuan baik dan bebas daripada tindakan tatatertib; dan
3.1.10	status pelajar/ pelatih <b>sama</b> ada baru atau ulangan.	
<b>*Tidak Perlu Menghantar Salinan Buku Log Dan Salinan Keputusan OSCE</b>		
4	<b>SENARAI PELAJAR/ PELATIH TIDAK LAYAK/ TIDAK PERLU MENDUDUKI PEPERIKSAAN LJM/ LBM</b>	
	4.1	Sila pastikan semua maklumat pada borang diisi dengan lengkap.
	4.1.1	tulis nombor kad pengenalan/ pasport dengan <b>HURUF BESAR</b> seperti yang tertera di dalam kad pengenalan/ pasport;
	4.1.2	tuliskan sebab di bahagian <b>CATATAN</b> ; dan
4.1.3	salinan surat penjelasan/ pengesahan/ sijil cuti sakit yang berkaitan perlu disertakan.	